



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**22 Januari 2025
22 Rejab 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Ternakan ikan sangkar Kampung Getang jana hasil
Berita Harian	•
Harian Metro	• Projek ternakan ikan bantu 8 peserta raih RM60k setahun
Kosmo [Online]	• Vesel nelayan tempatan langgar syarat lesen ditahan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	• APMM tahan bot nelayan tempatan bersama kru Myanmar
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	• Kerang Malaysia dicuri ketika pengeluarannya tertinggi di Asia Tenggara
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/		NEGATIF		NEUTRAL		32	22/1/2025

Ternakan ikan sangkar Kampung Getang jana hasil

HULU TERENGGANU: Projek perintis ternakan ikan sangkar yang dijalankan di Kampung Getang, di sini bermula tahun lalu menerusi peruntukan Skim Sejati Madani dijangka mampu mengeluarkan hasil sehingga mencecah tiga tan metrik.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Getang, Tuan Abd. Razif Tuan Ngah berkata, 3,000 benih ikan tilapia dilepaskan November lalu sebagai permulaan dan mula dijual minggu ini.

Beliau berkata, pihaknya memperoleh peruntukan RM100,000 menerusi Program Sejahtera Komuniti Madani dan hasil keuntungan projek ternakan ikan sangkar dilaksanakan itu akan dimasukkan ke Tabung Komuniti Kampung Getang.

“Projek ini diuruskan JPKKP Getang. Setakat ini, keseluruhannya sebanyak 19,000 ekor benih ikan tilapia dilepaskan secara berperingkat ke

dalam lapan unit sangkar yang terletak di Sungai Terengganu.

“Peringkat perintis selepas November lalu sebanyak 3,000 ekor dan akan mula dijual hasilnya minggu ini. Seterusnya pada bulan Ramadan iaitu Mac ini serta Jun akan datang.

“Beberapa individu terutamanya peniaga telah datang ke sangkar menempah ikan untuk keperluan atau jualan mereka sepanjang bulan puasa tidak lama lagi,” katanya ketika ditemui di Kampung Getang, dekat sini.

Tuan Abd. Razif berkata, hasil projek ternakan ikan sangkar itu adalah sebagai pengumpulan dana untuk orang kampung bagi membantu meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan serta sumbangan khairat kematian.

Pihaknya turut menyasarkan hasil ternakan dapat dijual secara berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun selepas ini walaupun terpaksa berdepan bencana banjir.



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/		NEGATIF		NEUTRAL		17	22/1/2025

Projek ternakan ikan bantu 8 peserta raih RM60k setahun



LIEW (kanan) melepaskan benih ikan talapia di majlis Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Marang: Seramai lapan peserta dijangka mampu meraih RM60,000 setahun hasil Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini. Projek dilaksanakan di kampung itu adalah ketiga diwujudkan di bawah program SejaTI MADANI. Penasihat projek yang juga pensyarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Liew Hon Jung berkata, projek pertama di bawah program itu dilaksanakan di Kampung Mengabang Telipot, Kuala Nerus dengan kos

RM50,000, manakala projek kedua di Kampung Padang Pak Wan, Marang, dengan kos RM100,000. Katanya, untuk projek terbaru itu 3,000 benih ikan talapia dimasukkan ke dalam lima tangki kanvas. "Baki 3,000 lagi benih ikan dimasukkan secara berperingkat menjadikan jumlah keseluruhan 6,000 bagi 10 tangki kanvas untuk projek ini. "Kita gunakan konsep integrasi ikan talapia dengan tanaman iaitu prinsip ternakan ikan dalam sistem kanvas dan air ternakan ikan disalurkan ke-

pada tanaman sebagai air buangan untuk dijadikan baja tambahan kepada tanaman," katanya selepas majlis perasmian Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini, semalam. Menurutnya, kos bagi projek berkenaan berjumlah RM100,000 dan ikan ditenak tiga pusingan setahun apabila setiap pusingan menjana pendapatan bernilai RM20,000. Katanya, ikan ditenak boleh dijual dalam tempoh empat hingga lima bulan, manakala sayuran pada tempoh tiga bulan. "UMT di bawah Institut

Akuakultur Tropika dan Perikanan menyediakan empat khidmat kepakaran iaitu dalam bidang akuakultur, nutrisi makanan, pembiakan ikan dan pengurusan sistem ternakan," katanya. Peserta, Zarina Mahmud, 55, berkata, projek berkenaan menambah pendapatan selain dapat mendalami ilmu ternakan ikan air tawar. "Kalau nak lakukan sendiri mungkin mustahil kerana kos tinggi dan kami tiada kepakaran, namun melalui projek berkelompok ini semua menjadi semakin mudah.

APMM tahan bot nelayan tempatan bersama kru Myanmar



GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan bersama empat kru warga Myanmar kelmarin, selepas dipercayai melanggar syarat lesen.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, kesemua mereka yang berusia antara 22 hingga 42 tahun itu ditahan pada kedudukan 13.8 batu nautika selatan Pulau Kendi.

“Pemeriksaan lanjut mendapati kesemua mereka gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

“Dalam tempoh seminggu sejak 16 Januari lalu, sebanyak empat bot nelayan tempatan ditahan di perairan Pulau Pinang atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

APMM tahan bot nelayan tempatan bersama kru Myanmar

“Sebanyak 12 kru termasuk warga asing kini ditahan bagi siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan media malam tadi.

Tambah Razali, APMM komited dalam membanteras aktiviti jenayah di laut dan pelanggaran syarat perikanan

“Operasi penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan demi memastikan perairan negara sentiasa selamat dan bebas daripada jenayah.

“Kami juga menyeru komuniti nelayan supaya menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak berkuasa dengan menyalur maklumat mengenai sebarang aktiviti mencurigakan di perairan,” katanya. – MalaysiaGazette

Vesel nelayan tempatan langgar syarat lesen ditahan



GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah vesel nelayan tempatan (VNT) kelas C di perairan berhampiran Pulau Kendi, kelmarin selepas dipercayai melanggar syarat lesen.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, vesel tersebut ditahan di kawasan kurang dari 27.78 kilometer dari pantai iaitu di kedudukan 25.55 kilometer dari Pulau Kendi.

"Vesel ini didapati melanggar syarat lesen dengan melakukan aktiviti perikanan di kawasan yang tidak dibenarkan.

"Empat kru warga Myanmar berusia antara 23 hingga 42 tahun berada di atas bot berkenaan, dan kesemua mereka gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah ketika pemeriksaan dilakukan," katanya di sini hari ini.

Vesel nelayan tempatan langgar syarat lesen ditahan

Menurutnya, dalam tempoh seminggu sejak 16 Januari lalu, empat vesel telah ditahan di perairan Pulau Pinang kerana pelbagai kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

“Sebanyak 12 kru termasuk kru asing kini ditahan untuk siasatan lanjut,” katanya.

Dalam pada itu, Razali berkata, operasi penguatkuasaan iaitu ops bersepadu Mutiara 1/2025, yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa minggu lalu turut membuahkan hasil.

“Seramai tujuh daripada 25 kru nelayan yang ditahan dalam operasi tersebut disahkan positif dadah hasil saringan ujian air kencing yang dijalankan pada 16 Januari lalu,” katanya.

Tambahnya, Maritim Malaysia komited untuk membanteras aktiviti jenayah di laut dan pelanggaran syarat perikanan.

“Kami menyeru komuniti nelayan untuk menjadi ‘mata dan telinga’ kepada pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti yang mencurigakan di perairan.

“Pihaknya akan terus mempertingkatkan operasi penguatkuasaan demi memastikan perairan negara sentiasa selamat dan bebas daripada jenayah,” katanya. -KOSMO! ONLINE

Kerang Malaysia dicuri ketika pengeluarannya tertinggi di Asia Tenggara



Populasi kerang di Malaysia yang merosot lebih sedekad lalu pulih dengan trend pendaratan kian meningkat sejak beberapa tahun lalu, namun aktiviti mencuri kerang oleh nelayan tempatan dan asing jeaskan pembiakan hidupan akuatik itu.

Ketua Pengarah Perikanan Adnan Hussain berkata masalah kecurian di tapak benih kerang semula jadi dan kultur perlu diatasi sekiranya negara ini mahu kekal sebagai pengeluar terbesar hidupan akuatik itu di Asia Tenggara sejak tahun lalu dengan pengeluaran kira-kira 16,000 tan metrik.

“Malaysia antara negara yang banyak keluarkan kerang, namun pencemaran habitat, pembangunan, penambakan di pantai barat dan perubahan iklim boleh jeaskan hasil kerang.

“Sepanjang 2022 dan 2023, terdapat 13 kes tangkapan melibatkan kecurian benih kerang dengan hasil rampasan berjumlah RM25,685 [AS\$5,707],” katanya kepada BenarNews pada Isnin.

Kerang Malaysia dicuri ketika pengeluarannya tertinggi di Asia Tenggara

Terbaharu, seorang lelaki tempatan ditahan ketika sedang menangguk kerang tanpa lesen menggunakan bot pukot hanyut di Perak dengan 10 kilogram kerang dirampas pada Sabtu lalu.

Di Malaysia, kerang dewasa dijual pada harga RM8.20 (AS\$1.20) sekilogram manakala harga runcit dijual RM12.15 (AS\$2.70) sekilogram.

Menurut statistik Jabatan Perikanan, pendaratan kerang di Malaysia meningkat sejak beberapa tahun lalu dengan 1,098 tan metrik direkodkan pada 2024 berbanding 859.02 metrik tan pada tahun sebelumnya.

"Populasi kerang meningkat dengan ketara pada 2022 di mana Malaysia menjadi negara kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Thailand susulan projek ternakan kerang secara sistematik di Pulau Pinang, Perak dan Johor," kata Adnan.

Keterangan gambar: Hasil rampasan kerang dari tiga bot nelayan yang mengambil hidupan akuatik itu dari tapak kultur kerang di muara Sungai Belanak, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, 27 November 2018.

-BenarNews Malaysia